

UTUSAN MALAYSIA
14 OGOS 2008 (KHAMIS)

Pelajar gembira penurunan caj perkhidmatan PTPTN

KUALA LUMPUR 13 Ogos - Pelbagai pihak gembira dengan keprihatinan kerajaan menurunkan caj perkhidmatan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sehingga satu peratus berkuat kuasa Jun lalu.

Menurut mereka, dengan penurunan caj itu, tiada alasan lagi bagi peminjam untuk melengah-lengahkan atau tidak membayar balik pinjaman selepas menamatkan pengajian.

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Mohd. Nardin Awang berkata, pengurangan caj PTPTN adalah bukti kesungguhan kerajaan untuk menjayakan pembangunan modal insan.

"Keputusan Kementerian Pengajian Tinggi itu akan membantu menyemarakkan semangat pelajar untuk mencapai kecemerlangan dan kejayaan dalam pengajian mereka," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Nardin seterusnya berharap caj perkhidmatan satu peratus itu juga dapat diaplikasikan kepada pelajar-pelajar yang sebelum ini dikenakan caj sebanyak tiga peratus.

Sementara itu, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Yusri Mohamad berkata, penurunan caj itu amat sesuai pada masanya bagi mengelakkan timbul unsur-unsur keraguan tentang hukum syarak seperti riba.

Jelasnya, penurunan caj itu juga mengurangkan beban yang ditanggung oleh para pelajar sebelum ini.

"PTPTN sepatutnya peka dengan objektif utama mereka iaitu membantu para pelajar dan bukannya menyusahkan mereka di kemudian hari," katanya.

Penurunan itu, jelasnya, dapat menggalakkan para peminjam untuk membayar balik pinjaman mereka.

Presiden Gerakan Gabungan Mahasiswa Islam SeMalaysia (GAMIS), Dzul Khairi Mohd. Noor pula mengalu-alukan perubahan yang dilakukan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin itu.

Menurutnya, langkah itu akan meletakkan prasangka buruk orang ramai dan pelajar terhadap PTPTN yang sebelum ini mengenakan caj perkhidmatan yang membebankan pelajar.

Dalam pada itu, Khairi berharap pelajar yang menerima pinjaman PTPTN tidak menyalahgunakan wang itu untuk membeli barang-barang mewah selain daripada membeli peralatan dan buku-buku pengajian.

Naib Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Malaysia (USM), Loh Kit Mun pula berkata, beliau menyokong langkah kerajaan mengurangkan caj perkhidmatan PTPTN itu.

Menurutnya, pengurangan itu akan dapat membantu peminjam mengatasi masalah kewangan memandangkan gaji permulaan mereka tidak sepadan dengan kos sara hidup yang tinggi sekarang.

"Kebanyakan pelajar yang meminjam PTPTN berasal daripada keluarga miskin dan perlu membantu keluarga pula apabila mula bekerja," katanya.

Kit Mun juga berpendapat, PTPTN seharusnya mengambil kira kebajikan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) setiap kali hendak melaksanakan sesuatu dasar.